



PERARAKAN Kelab Berbasikal Tuo pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang MBS, Seremban semalam. - MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Lebih 20,000 orang ramai hadir lihat perbarisan

Perbarisan merdeka di N.Sembilan meriah

SEREMBAN - Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan mencemar duli ke majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini semalam.

Turut mencemar duli, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud dan Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz dan dan Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz.

Keberangkatan baginda di-

sambut oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Baginda tiba kira-kira pukul 8.15 pagi disambut dengan lintas hormat helikopter jenis Agusta A109 LOH Tentera Udara Malaysia yang dikoordinasi Tentera Darat Malaysia dengan membawa Jalur Gemilang dan bendera Negeri Sembilan.

Sebanyak 84 kontinjen merangkumi 5,000 peserta sertai perbarisan Hari Kebangsaan Ke-66 peringkat negeri semalam.

Perbarisan terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, pentad-

biran daerah pertubuhan bukan kerajaan, sekolah dan institut pengajian tinggi serta syarikat swasta.

Istiadat Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada 3 Pegawai dan 103 Anggota lain-lain pangkat dari Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja, Pegawai Panji-panji Batalion Ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Dalam pada itu, Aminuddin turut kagum melihat kehadiran luar jangka orang ramai yang mula memenuhi dataran padang MPS sejak seawal pukul 6 pagi.

"Alhamdulillah, semua orang patriotik hari ini," ujarnya.